



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2017/2018

Mei/Jun 2018

JOW 459 – PERKEMBANGAN ORGANISASI

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

Markah bagi setiap bahagian adalah seperti yang tercatat.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

SOALAN 1 (25 markah)

Penyelidik telah mencadangkan dalam mengaplikasi OD di negara yang berbeza ianya memerlukan pendekatan "berdasarkan konteks" untuk mereka bentuk intervensi. Ini akan melibatkan proses penyesuaian kepada konteks budaya organisasi, termasuk nilai yang dipegang oleh pekerja dalam negara atau rantau tertentu. Berdasarkan pernyataan ini kenalpasti **LIMA (5)** jenis nilai yang menerangkan budaya nasional yang mempengaruhi kelaziman organisasi.

SOALAN 2 (25 markah)

"Intervensi OD diinstitusikan apabila program perubahan ini berterusan dan menjadi sebahagian daripada fungsi normal organisasi". Oleh itu sebagai seorang CEO Syarikat, Encik Norman ingin memastikan program intervensi OD ini berjaya di institusikan. Bincangkan **LIMA (5)** penunjuk kepada kejayaan penginstitusian tersebut.

SOALAN 3 (25 markah)

Puan Hanim merupakan seorang perunding yang telah dilantik oleh Firma Labu Labi. Tugas beliau adalah untuk memastikan pekerja di Firma Labu Labi boleh berkerjasama sebagai satu pasukan. Terlebih dahulu beliau perlu memastikan setiap individu boleh berkomunikasi dengan individu lain dengan lebih baik. Salah satu model yang boleh digunakan oleh Puan Hanim adalah Tingkap Johari.

- (a) Lakarkan Model Tingkap Johari (5 markah)
- (b) Jelaskan secara terperinci Model Tingkap Johari (20 markah)

SOALAN 4 (25 markah)

Projek penglibatan pekerja yang menggunakan amalan kerja penglibatan tinggi adalah bertujuan untuk mewujudkan organisasi yang berpenglibatan tinggi. Intervensi ini mewujudkan persekitaran organisasi yang menyokong tahap penyertaan pekerja yang tinggi.

- (a) Jelaskan **LIMA (5)** elemen reka bentuk yang mencirikan organisasi berpenglibatan tinggi. (20 markah)
- (b) Jelaskan terma struktur selari. (5 markah)

SOALAN 5 (25 markah)

Terdapat peningkatan organisasi yang menggunakan pasukan kerja urus sendiri dalam menyiapkan produk. Namun begitu banyak pengurus berhadapan dengan masalah berhubung pasukan kerja urus sendiri ini. Aduan yang paling lazim adalah berkait dengan keaburan tentang tanggungjawab dan kuasa, kekurangan kemahiran peribadi dan teknikal, sokongan organisasi, perhatian yang tidak mencukupi dari pengurusan yang lebih tinggi, dan perasaan kecewa dengan penyeliaan. Jelaskan **LIMA (5)** cara pengurus boleh mengatasi masalah ini.